



Kleen Industrial Products Sdn Bhd,

74 Jalan Utarid U5/19, 40150 Shah Alam, Malaysia

T: +603 7845 8833 F: +603 7845 3013 E: contactus@KleenIP.com

Risalah Data Keselamatan (SDS) 611 (KC 1001)

Kemaskini : 15/07/2023

No Versi : 5

Tarikh cetak : 15/07/2023

1. IDENTIFIKASI BAHAN/ CAMPURAN DAN SYARIKAT PEMBEKAL

1.1 Identifikasi Produk

Nama Perdagangan	Deskripsi	Unit	Kod Stok
KleenChem 611	Pembersih Disinfektan	5L, 10L, 20L	KC 1001

1.2 Kegunaan yang disyorkan untuk bahan/campuran tersebut dan sekatan kegunaannya.

Pembersih Disinfektan. 611 adalah gabungan pembersih, disinfektan dan sanitizer untuk tugas-tugas pembersihan berat. Ia boleh digunakan untuk pembersihan pelbagai permukaan seperti lantai, dinding, peralatan perkakas pemprosesan makanan, meja, kaunter dan lain-lain. Ia berkesan terhadap bacteria gram-positif dan gram-negatif. Ia adalah bacteriostat sisa pada permukaan keras dan boleh menghalang pertumbuhan bacteria yang menyebabkan bau busuk.

1.3 Butiran Pembekal Risalah Data Keselamatan

Syarikat Kleen Industrial Products Sdn Bhd, **Tel:** +603 7845 8833
Alamat 74 Jalan Utarid U5/19, **Fax:** +603 7845 3013
40150 Shah Alam, Malaysia **E-mail:** contactus@KleenIP.com

1.4 Nombor Telefon Kecemasan: +603 7845 8833 (08:30 - 17.30 Isnin - Jumaat)

2. IDENTIFIKASI BAHAYA:

2.1 Klasifikasi bahan atau campuran: Campuran Klasifikasi GHS mengikut Peraturan CLASS 2013

Fizikal :
Kesihatan : Kakisan/kerengsaan kulit : Kategori 2/ Ketoksikan akut - Oral : Kategori 4; Kerosakan mata serius/ kerengsaan : Kategori 2A
Alam Sekitar :

Piktogram GHS:

Kata Isyarat : **AMARAN**



Pernyataan Bahaya:

H302 : Memudaratkan jika tertelan
H315 : Menyebabkan kerengsaan kulit
H319 : Menyebabkan kerengsaan mata yang serius

Pernyataan Berjaga-jaga:

P262 : Jangan biarkan terkena mata, kulit atau pakaian
P302 + 352: JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak.
P332 + 313: JIKA BERLAKU KERENGSAAN KULIT: Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan
P305 + 351 + 338: JIKA TERKENA MATA: Bilas berhati-hati dengan air selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekap, jika ada dan dapat dilakukan dengan mudah. Teruskan membilas.
P337 + 313: JIKA KERENGSAAN MATA BERTERUSAN: Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan
P301 + 330 + 331: JIKA TERTELAN: Berkumur. JANGAN paksa muntah.
P404 : Simpan di dalam bekas bertutup.
P501 : Lupuskan kandungan/ bekas mengikut peraturan tempatan.

3. KOMPOSISI/ MAKLUMAT BAHAN BAHAYA:

3.2. Campuran

<u>Nama Bahan</u>	<u>No. Indek</u>	<u>No. CAS</u>	<u>No. EC</u>	<u>Peratusan (%)</u>
Natrium Metasilikat	014-010-00-8	6834-92-0	229-912-9	< 5
Didecil Dimetil Ammonium Chloride		7173-51-5		< 5
Alkylbenzil Dimetil Ammonium Chloride		68424-85-1	270-325-2	< 5
C9-C11 Alkohol Ethoxylat		68439-45-2		< 5

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS:

4.1 Penerangan langkah-langkah pertolongan cemas

Nasihat Am

Tanggalkan pakaian yang tercemar.

Selepas Tersedut

Alihkan kepada udara segar dan dapatkan nasihat/ rawatan perubatan.

Selepas Terkena Kulit

Bilas dengan air serta-merta. Jika berlaku kerengsaan kulit, dapatkan nasihat/ rawatan perubatan.

Selepas Terkena Mata

Jirus mata dengan air selama 10 ke 15 minut sehingga kerengsaan mata berkurangan. Jika kerengsaan mata berterusan, dapatkan nasihat/ rawatan perubatan.

4.2 Gejala dan kesan yang paling penting, akut dan tertunda

Tiada yang diketahui.

4.3 Petunjuk sesuatu rawatan perubatan serta-merta atau rawatan khas yang diperlukan

Tiada

5. LANGKAH-LANGKAH PEMADAMAN KEBAKARAN:

5.1 Agen pemadam yang sesuai:

Produk ini tidak mudah terbakar. Gunakan agen pemadam api yang sesuai untuk kawasan sekitar.

5.2 Agen pemadam yang tidak sesuai: Tidak Berkenaan.

5.3 Hasil pembakaran berbahaya yang terbangkit daripada bahan atau campuran ini:

Oksida dari karbon, nitrogen, natrium dan sulfur.

5.4 Panduan kepada ahli bomba:

Harus menggunakan kelengkapan pelindung serba cukup dan pakaian pelindungan yang sesuai untuk kebakaran berkenaan.

6. LANGKAH-LANGKAH MENGAWAL PELEPASAN TIDAK SENGAJA:

6.1 Langkah perlindungan diri, kelengkapan perlindungan dan prosedur kecemasan:

Gunakan kelengkapan perlindungan diri sesuai. Mengelak daripada bernafas wap jika ada dan pastikan pengudaraan secukupnya. Tutupkan kawasan berkenaan kepada personel lain.

6.2 Langkah berjaga-jaga alam sekitar:

Jangan biar bahan/ campuran ini termasuk pada longkang air permukaan atau tanah / tanah bawah.

6.3 Kaedah dan bahan untuk pembendungan dan pembersihan:

Serap dengan pasir atau penyerap dan lupuskan mengikut peraturan-peraturan tempatan. Tumpahan kecil boleh diijurkan kepada longkang

6.4 Rujukan Pada Bahagian Lain:

Rujuk kepada bahagian 8 dan 13 untuk maklumat lanjut mengenai pendedahan dan pelupusan.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN:**7.1 Langkah perlindungan untuk pengendalian selamat:**

Menyediakan pengaliran udara yang baik di kawasan kerja. Basuhkan tangan selepas mengendalikan produk dan jangan biar bahan termasuk longkang air.

7.2 Keadaan untuk penyimpanan selamat termasuk apa-apa ketakserasian:

Simpan di bekas asal, jauh daripada jangkauan kanak-kanak. Suhu simpanan haruslah di antara 5°C dan 30°C.

7.3 Kegunaan akhir yang khusus:

Gunakan seperti yang diarahkan di label atau bekas.

8. KAWALAN PENDEDAHAN/ KESELAMATAN DIRI:**8.1 Parameter Kawalan:**

Tidak mengandungi bahan-bahan yang ada nilai had pemantauan di tempat kerja.

8.2 Kawalan Pendedahan:

Jangan makan, minum atau merokok semasa kerja dan basuh tangan selepas mengendalikan produk.

Kawalan Pendedahan - Mata: Elak terkena pada mata. Pakailah perlindungan mata yang sesuai jika berkenaan.

Kawalan Pendedahan - Kulit: Pakailah sarung tangan vinil, getah atau nitril.

Kawalan Pendedahan - Pemasakan: Elakkan menyedut habuk daripada bahan kering.

9. SIFAT-SIFAT FIZIKAL dan KIMIA:**9.1 Maklumat sifat-sifat asas fizikal dan kimia:**

Rupa / Bau	Cecair Kuning dengan bau segar.
pH (10% soln.)	10 - 11
Takat lebur/ Takat beku	0°C
Mudah Bakar/ Takat kilat	Tidak Mudah Bakar
Ketumpatan	1.01 g/cm ³ @ 20°C
Kelarutan	Boleh campur terlarut dengan air.
Kelikatan	Seperti air @20°C
Sifat pengoksidakan	Tidak berkenaan.
Sifat letupan	Tidak berkenaan.

9.2 Maklumat Lain Tiada maklumat lain.

10. KESTABILAN dan KEREAKTIFAN:

10.1 Kereaktifan: Tidak diketahui untuk bertindak balas dengan bahan kimia lain.

10.2 Kestabilan Kimia: Tiada penguraian jika disimpan dan digunakan seperti yang diarahkan.

10.3 Kemungkinan Tindak-balas Berbahaya: Tindak balas berbahaya tidak akan berlaku di bawah keadaan pengangkutan atau penyimpanan yang biasa.

10.4 Keadaan Yang Perlu Dielakkan: Tiada maklumat

10.5 Bahan Tidak Serasi: Ejen pengoksidaan yang kuat.

10.6 Produk Penguraian Berbahaya: Oksida Karbon.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI:

11.1 Maklumat berkenaan kesan toksikologi

Bahan	Ketoksikan
Natrium Metasilikat	Nilai-nilai Ketoksikan Laluan Spesies Nilai Ujian unit ORAL TIKUS LD50 1280 mg/kg ORAL MUS LD50 770 mg/kg Kesan berkaitan bagi bahan: Bahaya Laluan Asas Kerengsaan Kulit: DRM, berdasarkan data ujian Kerosakan/ Kerengsaan Mata: OPT, berdasarkan data ujian STOT - pendedahan tunggal: INH, berdasarkan data ujian Gejala / Laluan Pendedahan: Terkena Kulit: Kerengsaan/ sakit mungkin berlaku di tapak kenalan. Kesan bakar yang teruk mungkin berlaku. Terkena Mata: Kerengsaan/ kemerahan mungkin berlaku. Mungkin ada kesakitan yang teruk. Kesan bakar kornea mata mungkin berlaku. Risiko kerosakan mata yang serius. Tertelan: Mungkin ada kesakitan/ kemerahan pada mulut dan tekak. Kesan bakar menghakis boleh muncul di sekitar bibir. Boleh menyebabkan kesan luka bakar tekak. Mungkin berlaku kesan loya, sakit perut dan muntah Penyedutan: Mungkin ada kerengsaan tekak dengan rasa sesak di dada. Boleh menyebabkan kerengsaan membran mukus dan sistem pernafasan. Kepekatan tinggi adalah perengsa kepada saluran pernafasan. Maklumat lain: *Tiada maklumat lanjut pada masa ini.
Didecil Dimetil Ammonium Chloride	Nilai-nilai Ketoksikan Akut Laluan Spesies Nilai Ujian unit ORAL TIKUS LD50 238 mg/kg DERMAL ARNAB LD50 3342 mg/kg Kesan bahaya berkaitan bagi bahan: Gejala / Laluan Pendedahan Kesan Akut: Memudaratkan jika ditelan. Risiko menjejaskan mata secara serius. Terkena Kulit: Boleh menyebabkan kesan baker dan kerengsaan teruk pada kulit Terkena Mata: Boleh menyebabkan kerengsaan teruk pada mata. Tertelan: Boleh menyebabkan kesan bakar pada tekak. Kesan loya dan sakit perut mungkin berlaku. Bermuntah-muntah mungkin terjadi. Penyedutan: Boleh menyebabkan kerengsaan membran mukus dan sistem pernafasan. Kepekatan tinggi adalah perengsa kepada saluran pernafasan. Mengakis kepada membran mukus. Maklumat lain: * Tidak ada maklumat lanjut pada masa ini
Alkylbenzil Dimetil Ammonium Chloride	Nilai-nilai Ketoksikan Akut Laluan Spesies Nilai Ujian unit ORAL TIKUS LD50 344 mg/kg DERMAL ARNAB LD50 3440 mg/kg Kesan bahaya berkaitan bagi bahan: Gejala / Laluan Pendedahan Kesan Akut: Memudaratkan jika ditelan. Risiko menjejaskan mata secara serius. Terkena kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan kulit Terkena Mata: Boleh menyebabkan kerengsaan mata. Tertelan: Boleh menyebabkan kesan bakar pada tekak. Kesan loya dan sakit perut mungkin berlaku. Bermuntah-muntah mungkin terjadi. Penyedutan: Boleh menyebabkan kerengsaan membran mukus dan sistem pernafasan. Kepekatan tinggi adalah perengsa kepada saluran pernafasan. Mengakis kepada membran mukus. Maklumat lain: * Tidak ada maklumat lanjut pada masa ini
C9-C11 Alkohol Ethoxylat	Nilai-nilai Ketoksikan Laluan Spesies Nilai Ujian unit ORAL TIKUS LD50 >200<2000 mg/kg Kesan-kesan Akut: Memudaratkan jika ditelan. Risiko menjejaskan mata secara serius. Terkena Kulit: Boleh menyebabkan kesan kerengsaan/ kemerahan di tempat terkena. Terkena Mata: Boleh menyebabkan kesan kerengsaan/ kemerahan. Mata mungkin banyak berair. Mungkin ada kesakitan yang teruk. Boleh terjadi kerosakan mata yang kekal. Tertelan: Kesan loya dan sakit perut mungkin berlaku. Boleh terjadi bermuntah-muntah. Penyedutan: Boleh menyebabkan kerengsaan pada tekak dengan rasa sesak di dada. Maklumat lain: * Tidak ada maklumat lanjut pada masa ini

Tiada apa-apa maklumat mengenai interaksi diantara bahan-bahan dalam campuran ini didapati. Dengan itu, segala bahan-bahan yang berkaitan dalam campuran ini telah diterbitkan walaupun bahan-bahan tersebut mungkin berada diparas kepekatan yang lebih rendah daripada paras bahaya dan mempunyai paras ketoksikan/ kerengsaan yang minima atau tidak toksik langsung dalam campuran ini.

12. MAKLUMAT EKOLOGI:

Tiada maklumat khusus bagi campuran ini boleh didapati. Dengan itu, maklumat berikut mengenai bahan-bahan berkaitan dicampurkan ini diterbitkan walaupun ia berada diparas kepekatan yang lebih rendah daripada had kepekatan dan merupakan tidak toksik atau ketoksikan minima pada alam sekitar.

Bahan**Ketoksikan ECO**

Natrium Metasilikat

12.1 Ketoksikan

Nilai-nilai Ketoksikan ECO: Spesies Nilai Ujian Unit

DAFNIA 48H EC50 4857 mg/l

IKAN 96H LC50 3185 mg/l

ALGAE 96H EC50 > 1000 mg/l

12.2. Ketabahan dan Perosotan: Boleh Biosot

12.3 Potensi Bioakumulasi: Tiada bukti bioakumulasi.

12.4. Mobiliti dalam tanah: Boleh berlarut dalam air

12.5. Keputusan Pegenalan PBT dan vPvB: Bahan ini tidak dikenal sebagai bahan PBT.

12.6. Kesan buruk yang lain:

Jangan biarkan ia memasuki saluran air atau tanah. Tumpahan dalam pembetung atau jalan air mesti dielakkan. Pelepasan kuantiti yang besar boleh membunuh ikan dan hidupan akuatik yang lain disebabkan oleh peningkatan / penurunan pH. Dos yang besar menyebabkan pH rendah / tinggi yang boleh menjejaskan proses rawatan efluen dan kumbahan.

Didecil Dimetil

Ammonium Chloride

12.1 Ketoksikan

Nilai-nilai Ketoksikan ECO: Spesies Nilai Ujian Unit

DAPHNIA 48H EC50 0.06 mg/l (Daphnia magna)

IKAN 96H LC50 0.19 mg/l (Fathead minnow)

ALGAE 96H EC50 0.02 mg/l (Psuedokirchneriella subcapitata)

12.2. Kegigihan dan Perosotan:

Surfactan ini mematuhi kriteria perosotan-bio seperti yang ditetapkan dalam Peraturan (EC) No.648 /2004 tentang bahan pencuci.

12.3 Potensi Bioakumulasi: Tiada bukti ia Bioakumulasi

12.4. Mobiliti dalam tanah: Boleh berlarut dalam air

12.5. Keputusan Pegenalan PBT dan vPvB: Bahan ini tidak dikenal sebagai bahan PBT.

12.6. Kesan buruk yang lain:

Jangan biarkan bahan ini memasuki saluran air atau tanah. Tumpahan dalam pembetung atau jalan air mesti dielakkan. Pelepasan kuantiti yang besar boleh membunuh ikan dan hidupan akuatik yang lain.

Alkylbenzil Dimetil

Ammonium Chloride

12.1 Ketoksikan

Nilai-nilai Ketoksikan ECO:

Spesies Nilai Ujian Unit

DAPHNIA 48H EC50 0.62 mg/l (Daphnia magna)

IKAN 96H LC50 0.19 mg/l (Fathead minnow)

ALGAE 96H EC50 0.026 mg/l (Psuedokirchneriella subcapitata)

12.2. Kegigihan dan Perosotan

Surfactan ini mematuhi kriteria perosotan-bio seperti yang ditetapkan dalam Peraturan (EC) No.648 / 2004 tentang bahan pencuci.

12.3 Potensi Bioakumulasi

Tiada bukti ia Bioakumulasi

12.4. Mobiliti dalam tanah

Mobiliti: Boleh berlarut dalam air

12.5. Keputusan Pegenalan PBT dan vPvB

Pengealan PBT: Bahan ini tidak dikenal sebagai bahan PBT.

12.6. Kesan buruk yang lain

Jangan biarkan bahan ini memasuki saluran air atau tanah. Tumpahan dalam pembetung atau jalan air mesti dielakkan. Pelepasan kuantiti yang besar boleh membunuh ikan dan hidupan akuatik yang lain.

C9-C11 Alkohol Ethoxylat

12.1 Ketoksikan

Nilai-nilai Ketoksikan ECO: Spesies Nilai Ujian Unit

IKAN 96H LC50 1-10 mg/l

12.2. Kegigihan dan Perosotan

Surfactan ini mematuhi kriteria perosotan-bio seperti yang ditetapkan dalam Peraturan (EC) No.648 / 2004 tentang bahan pencuci.

12.3 Potensi Bioakumulasi

12.4. Mobiliti dalam tanah

Mobiliti: Boleh berlarut dalam air

12.5. Keputusan Pegenalan PBT dan vPvB

Pengealan PBT: Bahan ini tidak dikenal sebagai bahan PBT.

12.6. Kesan buruk yang lain

13. MAKLUMAT PELUPUSAN:**13.1 Cara-cara pelupusan**

Jangan melupuskan bahan ini dengan bahan lupusan biasa. Jangan biar produk ini termasuk ke perbentungan. Bekas-bekas kosong haruslah di bilas dan di lupuskan secara selamat. Pelupusan mestilah dilakukan menurut peraturan-peraturan tempatan. Jangan campur bahan ini dengan bahan lupusan yang lain.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN:

- 14.1 Nombor UN:** Tidak Berkenaan
14.2 Nama Pengangkutan: KleenChem 611 (KC 1001)
14.3 Kelas bahaya pengangkutan: Tiada kod-kod ADR/AND/IMDG/RID
14.4 Kelas Pembungkusan (PG): Tidak Berkenaan
14.5 Bahaya Alam Sekitar: Tiada kod-kod ADR/AND/IMDG/RID
14.6 Langkah Jaga-jaga bagi Pengguna: Tiada maklumat tersedia
14.7 Pengangkutan secara bulk menurut Annex II of Marpol 73/78 dan kod IBC: Tiada maklumat tersedia

15. MAKLUMAT PENGAWALSELIAN:**15.1 Peraturan serta undang-undang keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang berkenaan bahan atau campuran ini.**

Statutory Instruments

The Chemicals (Hazard Information and Packaging for Supply) Regulations 2009 (S.I 2009 No. 716).

Approved Code Of Practice

CESIO Safety Data Sheets for Substances and Preparations. Classification & Labelling of Substances and Preparations Dangerous for Supply. Guidance Notes

CHIP for everyone HSG(108).

EU Legislation

Regulation (EC) No 1907/2006 of the European Parliament and of the Council of 18 December 2006 concerning the Registration, Evaluation, Authorisation and Restriction of Chemicals (REACH), establishing a European Chemicals Agency, amending Directive 1999/45/EC and repealing Council Regulation (EEC) No 793/93 and Commission Regulation (EC) No 1488/94 as well as Council Directive 76/769/EEC and Commission Directives 91/155/EEC, 93/67/EEC, 93/105/EC and 2000/21/EC, including amendments. Regulation (EC) No 1272/2008 of the European Parliament and of the Council of 16 December 2008 on classification, labelling and packaging of substances and mixtures, amending and repealing Directives 67/548/EEC and 1999/45/EC, and amending Regulation (EC) No 1907/2006 with amendments.

National Regulations

The Chemicals (Hazard Information and Packaging for Supply) Regulations 2002. No. 1689.

UK Regulatory References

Chemicals (Hazard Information Packaging) Regulations.

15.2 Penilaian Keselamatan kimia

Tiada maklumat lanjut.

16. MAKLUMAT LAIN:**Penyataan Bahaya (H-Statements) penuh yang di rujuk dalam bahagian 2**

- H302 : Memudaratkan jika tertelan
 H315 : Menyebabkan kerengsaan kulit
 H319 : Menyebabkan kerengsaan mata yang serius

Kegunaan Produk:

611 adalah gabungan pembersih, disinfektan dan sanitizer untuk tugas-tugas pembersihan berat. Ia boleh digunakan untuk pembersihan pelbagai permukaan seperti lantai, dinding, peralatan perkakas pemprosesan makanan, meja, kaunter dan lain-lain. Ia berkesan terhadap bacteria gram-positif dan gram-negatif. Ia adalah bacteriostat sisa pada permukaan keras dan boleh menghalang pertumbuhan bacteria yang menyebabkan bau busuk.

Cara Menggunakan:

Untuk tugas pembersihan berat: Cairkan 1 bahagian 611 pada 20 bahagian air.

Untuk tugas pembersihan ringan: Cairkan 1 bahagian 611 pada 50 bahagian air.

Maklumat lanjut: Risalah Data Keselamatan (SDS) yang terbaru boleh didapati daripada laman web Kleen Industrial Products S/B: www.KleenIP.com

GLOSSARI:	PPE	Personal protective equipment	N/A	Not applicable	N/K	Not known
	OEL	Occupational exposure limit	TWA	Time weighted average	w/v	Weight to volume

Data yang terkandung dalam Risalah Data Keselamatan (SDS) ini telah dibekalkan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pengguna-pengguna industri dan komersial yang mampu memahami maklumat yang dibekalkan.

UJIAN PADA BINATANG: KleenIP tidak melakukan ujian bahan-bahan mereka keatas binatang-binatang.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah didasarkan pada maklumat yang dijangka betul semasa tarikh terbitan. Tiada jaminan atau perwakilan, tersebut atau terbayang telah dibuat bagi ketepatan atau kelengkapan maklumat ini. Pengguna-pengguna bahan ini akan menanggung segala liabiliti yang terpunca daripada kerosakan atau kecederaan yang terjadi kerana menggunakan bahan ini dengan cara yang tidak betul atau tidak mengikut langkah-langka yang disyorkan atau dari bahaya yang wujud dalam bahan yang sebergini. Manganikuti polisi kami yang sentiasa meningkatkan pretasi bahan kami, kami mungkin menukarkan spesifikasi bahan ini tanpa notis.